

SOALAN NO.22**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN AHMAD BAIHAKI
BIN ATIQULLAH [KUBANG KERIAN]**

TARIKH : 10 OGOS 2017

SOALAN :

YB Tuan Ahmad Baihaki Bin Atiqullah [Kubang Kerian] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah Kerajaan telah membuat kajian berkaitan jumlah rakyat Malaysia yang agak ramai tidak mendaftar sebagai pengundi dan kenapakah Kerajaan tidak membuat pendaftaran pemilih secara automatik apabila mereka sampai umur 21 tahun.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) untuk menarik lebih ramai warganegara yang layak untuk mendaftar sebagai pemilih. Ini termasuklah menyediakan kaunter pendaftaran pemilih dan pameran di pusat membeli-belah, pusat rekreasi, kawasan penempatan penduduk, Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan pusat-pusat latihan yang berkaitan. SPR juga sentiasa terbuka untuk menerima jemputan menyediakan kaunter pendaftaran pemilih dan pameran sekiranya terdapat jemputan bagi penganjuran program-program berkaitan.

Selain itu, individu yang berhasrat untuk mendaftar sebagai pemilih boleh mengunjungi saluran-saluran pendaftaran lain seperti di kaunter pendaftaran pemilih di Ibu Pejabat SPR Putrajaya, Pejabat-Pejabat Pilihan Raya Negeri, Pejabat Daerah dan Tanah, Pejabat Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat Pos serta kaunter-kaunter bergerak SPR seluruh negara.

SPR turut mengadakan pelbagai aktiviti kesedaran dengan lebih berkesan termasuk menggunakan pelbagai saluran media dan juga melalui program turun padang (*outreach*). SPR juga telah mengadakan pendekatan pendaftaran pemilih secara bergerak (*mobile*) dengan menggunakan kenderaan karavan. Dengan adanya kemudahan tersebut, ia membolehkan

SPR menjalankan program turun padang dengan lebih agresif dan seterusnya memberi kemudahan kepada orang awam untuk mendaftar sebagai pemilih.

Berhubung dengan cadangan pendaftaran pemilih secara automatik, Perkara 119, Perlembagaan Persekutuan menyebut mana-mana warganegara Malaysia yang telah mencapai umur 21 tahun dan tidak hilang kelayakan sebagai pemilih perlu memohon untuk didaftarkan sebagai pemilih bagi suatu bahagian pilihan raya bagi membolehkannya untuk mengundi dalam sesuatu pilihan raya umum atau pilihan raya kecil. Oleh yang demikian, cadangan untuk menjadikan pendaftaran pemilih secara automatik adalah bertentangan dengan peruntukan di bawah Perlembagaan Persekutuan pada masa sekarang.

Sekian, terima kasih.